

Tiga cabaran pemimpin masa depan

BH 23 MAY 1994

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pemimpin pada masa depan bersedia menghadapi tiga cabaran utama, termasuk mengekalkan taraf kehidupan baik yang dinikmati rakyat sekarang, apabila negara melangkah ke-abad 21.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, pemimpin negara pada masa depan mesti berupaya mengekalkan kemakmuran ekonomi dan pembangunan mapan.

Mereka juga perlu berusaha lebih gih dan sanggup menghadapi masa depan dengan lebih yakin, komited dan bersemangat.

Beliau berkata, dua lagi cabaran yang perlu dihadapi oleh pemimpin negara pada masa depan ialah memastikan bangsa Malaysia sentiasa bersatu padu dan mengekalkan daya saing negara di arena antarabangsa.

Menurutnya, usaha memastikan bangsa Malaysia bersatu padu adalah satu cabaran yang sukar berdasarkan hakikat negara ini mempunyai kumpulan etnik, agama dan budaya berbeza.

"Usaha mewujudkan sebuah negara yang bersatu memang menjadi cabaran terbesar bagi generasi masa kini. Generasi masa depan juga akan menghadapi cabaran yang sama hebatnya.

"Oleh itu, kita mesti memerhati keadaan di Bosnia, Rwanda, negara bekas Soviet Union dan negara lain bagi mewujudkan kesedaran mengenai akibat yang timbul hasil konflik antara puak, etnik dan agama," katanya berucap merasmikan Persidangan Kepemimpinan Dunia anjuran Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli), di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata, mengekalkan daya saing negara menjadi cabaran ketiga pemimpin masa depan berikutan Forum Ekonomi Dunia menempatkan Malaysia di tempat keempat sebagai negara paling berdaya saing di dunia.

Sehubungan itu, katanya, pemimpin, sama ada sekarang atau pada masa depan, tidak boleh terlalu berpuas hati sehingga negara kehilangan daya saing di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, Malaysia adalah sebuah negara bertuah, tetapi kejayaannya tidak hanya bergantung kepada nasib.

Menurutnya, kejayaan Malaysia hari ini kerana keberanian dan kebijaksanaan pemimpin masa silam yang bersedia melaksanakan perubahan serta menggerakkan rakyat menerima perubahan itu.

"Bagaimanapun, kerana kita kini berada di ambang abad ke-21, lebih banyak usaha perlu dilakukan. Kita mesti melihat masa depan dengan penuh keyakinan, iltizam dan semangat yang bergelora.

"Jika Malaysia berjaya menempah ke-

LIHAT MUKA 2

3 cabaran pemimpin masa depan

DARI MUKA 1

BH 23 MAY 1994

jayaan itu, sangat menakutkan kerana sifatnya yang berbilang kaum dan agama.

"Walaupun Profesor Harvard, Samuel Huntington, menjangka berlaku pertentangan tamadun dan budaya, saya yakin bangsa pelbagai kaum di negara ini akan tetap bersatu dan progresif jika kita memiliki sifat semula jadi kepemimpinan yang sebenar," katanya.

Dr Mahathir menegaskan,

kan, syarikat dan negara mesti menjalankan pembangunan dan rancangan penggantian kepemimpinan menerusi perancangan rapi kerana kepemimpinan adalah aspek terpenting dalam perkembangan organisasi.

Pembaharuan organisasi, katanya, membolehkan syarikat yang berjaya terus menikmati kecemerlangan walaupun bertukar pemimpin.

Begitu juga dengan se-

buah negara yang mesti mengalami perubahan kepemimpinan.

"Di Malaysia, kita bertuah kerana pembaharuan kepemimpinan sentiasa dilakukan dengan lincin dan perubahan kepemimpinan sentiasa dilaksanakan dan teratur.

"Saya meminta usahawan dan ketua pegawai eksekutif negara ini menyediakan pelan penggantian kepemimpinan yang teratur supaya pembaha-

ruan organisasi dapat dilakukan dengan jayanya," katanya.

Perdana Menteri turut menekankan keperluan kepemimpinan korporat melaksanakan etika perniagaan dan pengurusan.

Menurutnya, adalah penting bagi pengurus dan pemimpin korporat mempunyai standard moral dan etika yang sesuai dengan nilai tradisional yang mengutamakan keutuhan moral.